

23 MAY 1997

Malaysia-Everest

PENDAKI MALAYSIA BERJAYA KE PUNCAK EVEREST

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Buat pertama kali dua pendaki negara berjaya mengibarkan bendera Malaysia di Gunung Everest, puncak tertinggi di dunia hari ini.

N.Mohandas, 35, dan M.Magendran, 33, menjadi wira negara menakluki puncak setinggi 8,848m itu setelah memulakan penerokaan mengharungi salji tebal, angin kencang dan suhu di bawah paras beku sejak 1 Mac lepas.

Berita ini disampaikan pada pukul 2.15 petang waktu Malaysia melalui siaran langsung RTM yang menyiarkan detik-detik pendakian bersejarah itu disaksikan jutaan rakyat Malaysia dengan semangat "Malaysia Boleh".

Siaran langsung RTM itu dengan kerjasama Telekom Malaysia Berhad.

Kedua-dua pendaki itu adalah sekumpulan 20 anggota dari Malaysia yang pertama kali membuat percubaan itu.

Mohandas ialah kakitangan Shell Trading Sdn Bhd manakala Magendran merupakan guru Sekolah Kebangsaan Teluk Gong di Klang. Mereka adalah anggota Persatuan Mendaki Malaysia.

Dua lagi pendaki yang dalam kumpulan akhir tidak dapat meneruskan misi atas sebab kesihatan. Mereka ialah Gary Choong, 39, dan Mohd Fauzan Hassan, 29.

Ekspedisi itu yang dinamakan Projek Malaysia-Everest `97 dianggap satu projek kebanggaan negara yang diilham dan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 Jun tahun lepas.

Dr Mahathir turut menyerahkan bendera Malaysia kepada kumpulan pendaki itu pada 28 Feb lalu, sehari sebelum mereka berlepas ke Nepal. -- BERNAMA
ZAB/RAZ RON